

Company Name : NexG Berhad
Date : 12 June 2025
Source : Berita Harian

NexG Bawa Misi 'Kedaulatan Digital' Ke Pentas Dunia



KUALA LUMPUR: Melangkaui peranan tradisinya sebagai pengeluar dokumen sekuriti tinggi, syarikat teknologi tempatan NexG Bhd kini membawa misi lebih besar untuk menjadi juara 'kedaulatan digital' bagi negara-negara membangun di peringkat global.

Syarikat yang sebelum ini dikenali sebagai Datasonic Bhd itu menegaskan, fokusnya kini bukan lagi sekadar mengeksport produk seperti pasport, tetapi adalah untuk mengeksport kepakaran dan teknologi bagi membolehkan negara lain membina serta mengawal sendiri infrastruktur identiti digital mereka yang selamat dan dipercayai.

Bagi memacu wawasan besar itu, NexG mengumumkan pelaburan strategik berjumlah RM250 juta untuk membangunkan sebuah kilang pengeluaran bersekuriti tinggi yang canggih.

Pengerusi Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan NexG Bhd, Datuk Hanifah Noordin, berkata langkah itu adalah sebahagian daripada anjakan paradigma syarikat untuk memperkasakan negara lain dengan keupayaan mengurus data dan identiti rakyat mereka secara berdaulat.

"Matlamat kami bukan hanya untuk mengeksport teknologi, tetapi untuk memperkasakan kedaulatan digital bagi negara-negara yang memerlukan infrastruktur identiti berskala besar, dipercayai dan selamat," katanya dalam satu kenyataan.

Pelaburan RM250 juta itu akan digunakan untuk membina kemudahan pengeluaran baharu serta ibu pejabat korporat, yang dijangka mampu melonjakkan kapasiti pengeluaran tahunan syarikat kepada 50 juta dokumen.

Langkah itu bakal meletakkan NexG pada kedudukan terbaik untuk memenuhi permintaan antarabangsa yang semakin meningkat, dengan unjuran pendapatan antara AS\$100 juta (RM421 juta) hingga AS\$200 juta (RM842 juta) bagi setiap fasa pembangunan.

Kredibiliti NexG untuk menerajui agenda ini disandarkan pada rekod prestasinya yang terbukti menjadi tulang belakang kepada infrastruktur keselamatan dan identiti Malaysia.

Syarikat itu merupakan penyedia teknologi utama bagi projek kad pengenalan kebangsaan, MyKad, sejak 2012, selain menjadi penyedia penyelesaian e-pasport untuk Kerajaan Malaysia sejak 2016.

"Kejayaan di Malaysia membuktikan keupayaan kami. Sekarang adalah masanya untuk kami membawa kepakaran ini bagi membantu negara lain membina asas keselamatan digital mereka sendiri," kata Hanifah.

Misi baharu ini adalah kemuncak pelan transformasi syarikat yang bermula dengan penjenamaan semula dari Datasonic pada Februari lalu, serta pemerolehan strategik dalam syarikat identiti digital, Innov8tif Holdings, bagi melengkapkan ekosistem teknologinya.

Dengan hala tuju yang jelas ini, NexG bersedia untuk muncul sebagai peneraju serantau dan rakan kongsi strategik bagi negara di ASEAN dan sekitarnya dalam usaha mereka mencapai kedaulatan digital.